

## Reka Bentuk Model Pengintegrasian Ayat Hafazan Al-Quran dengan Ilmu Aqli di Kolej PERMATA Insan

[The Design of Integrating Memorised Quranic Verses with Aqli Knowledge Model in Kolej PERMATA Insan]

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi<sup>1</sup>, Muhammad Hafiz Saleh<sup>2</sup>, Adibah Sulaiman @ Mohamad<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Qur’an dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.

\* Corresponding Author: ahmadbazli@usim.edu.my

### Abstrak

Penerapan integrasi ilmu naqli dan aqli (INAQ) dalam setiap subjek yang ditawarkan di Kolej PERMATA Insan (KPI) adalah satu kemestian dan subjek Hifz Al-Quran (hafazan Al-Quran) yang merupakan subjek wajib turut tidak terkecuali. Namun modul pendidikan Al-Quran yang digunakan di KPI tidak menggariskan panduan secara spesifik dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk model pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli bagi kegunaan guru Al-Quran dan pelajar Kolej PERMATA Insan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dan Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) melibatkan sekumpulan pakar. Hasil kajian ini ialah sebuah Model Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli yang mempunyai lima komponen, lima fasa, lapan sub-fasa yang mengandungi aktiviti dan elemen. Model ini dapat memberikan garis panduan kepada guru-guru Al-Quran dan pelajar Kolej PERMATA Insan dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli.

**Kata kunci:** tafsir, Al-Quran, and tahfiz

Manuscript Received Date: 02/03/21

Manuscript Acceptance Date: 05/06/23

Manuscript Published Date: 29/07/23

©The Author(s) (2023). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

doi: 10.33102/uij.vol35no02.496



### Abstract

The application of integrated naqli and aqli (INAQ) knowledge in each subject offered at Kolej PERMATA Insan (KPI) is a requirement, and this includes the mandatory subject, i.e. *Hifz Al-Quran* (memorizing the Quran). However, the Al-Quran education module used in KPI does not outline specific guidelines for integrating memorised Quranic verses with aqli knowledge. This study aims to design a model of integrating memorised Quranic verses with aqli knowledge for the use of Quranic teachers and students of Kolej PERMATA Insan. This study used the approach of library studies and Focus Group Discussion (FGD) involving a team of experts. The result of this study is a designed Model of Integrating Memorised Quranic Verses with Aqli Knowledge which comprises five components, five phases, and eight sub-phases containing activities and elements. This model can provide guidelines to the Quranic teachers and students of Kolej PERMATA Insan in integrating the memorised verses with the aqli knowledge.

**Keyword:** exegesis, Al-Quran, and tahfiz

## 1.0 Pendahuluan

Penyebaran sekularisme menatijahkan amalan dualisme dalam sistem pendidikan menyaksikan perkembangan secara terpisah antara ilmu aqli (bersumberkan akal) dan ilmu naqli (bersumberkan wahyu) (Md Nawawi, 2015). Proses pembelajaran di institusi pendidikan berasaskan pendidikan Islam lebih tertumpu kepada perbincangan ilmu naqli dan mengabaikan perbincangan sains, teknologi, dan pemikiran manusia, dan begitu juga sebaliknya dengan sistem pendidikan berasaskan aqli, bukan berdasarkan prinsip atau nilai agama (Mohd Jailani, 2019).

Usaha untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli ini di peringkat menengah antaranya melalui penubuhan Kolej PERMATA Insan (KPI) (Ahmad et al., 2017). KPI merupakan sebuah institusi pendidikan yang menyasarkan pelajar peringkat menengah pintar dan berbakat (Hussin et al., 2019) yang telah dipilih melalui ujian kecerdasan (Tg Abdul Rahman et al., 2021) untuk menjalani kurikulum khas pintar berbakat (Islaieh et al., 2020) dengan konsep mengintegrasikan ilmu naqli dan ilmu aqli (M. Ahmad et al., 2017). Penerapan integrasi ilmu naqli dan aqli (INAQ) bagi semua subjek yang ditawarkan di Kolej PERMATA Insan adalah satu kemestian seiring dengan Misi KPI untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli sebagai prinsip teras membina generasi Islam cemerlang pelbagai bidang ilmu sains dan teknologi untuk kepentingan negara dan ummah (*Motto, Misi & Visi – Kolej PERMATA Insan*, n.d.).

Pengintegrasian ini turut melibatkan subjek Hifz Al-Quran (hafazan Al-Quran) yang merupakan subjek wajib (Islaieh et al., 2020) dan merupakan salah satu ilmu naqli dalam kurikulum Kolej GENIUS Insan yang perlu dilaksanakan INAQ dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd Zarif et al., 2018). Seiring dengan pemeraksanaan INAQ, terdapat perubahan modul pendidikan al-Quran bermula tahun 2021 yang melibatkan lima aspek utama iaitu *Tajwid, Tahfiz, Tahriri, Tafsir 'Ilmi*, dan *Tadabbur* (Ali et al., 2021). *Tafsir 'ilmī* adalah aspek baru yang diperkenalkan di mana pelajar membentangkan ayat-ayat al-Quran yang dihafal menggunakan exegesis berorientasikan sains. Secara amnya, terdapat aplikasi INAQ dalam modul pendidikan al-Quran di KGI.

Namun modul pendidikan al-Quran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KPI berhadapan dengan dua isu utama iaitu kefahaman ayat hafazan hanya terbatas kepada kefahaman umum dan tiada panduan secara spesifik digariskan dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli. (Hilmi et al., 2022). Garis panduan khusus

diperlukan kepada kursus melibatkan al-Quran seperti di KPI kerana al-Quran mempunyai metodologi tersendiri dan piawaian tertentu dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu aqli yang bersumberkan akal. Satu kertas konsep model pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu naqli bagi kegunaan pelajar dan guru di KPI telah diketengahkan oleh Hilmi et al. (2022). Sebagai kesinambungan daripada kertas konsep tersebut, kajian ini bertujuan mereka bentuk model pengintegrasian ayat hafazan Al-Quran dengan ilmu aqli berlandaskan ilmu tafsir berdasarkan kertas konsep yang telah digariskan sebelumnya.

## 2.0 Sorotan Literatur

Terdapat sejumlah kajian lepas telah dibuat bagi mengintegrasikan ayat Al-Quran dengan ilmu aqli. Bagaimapapun, kajian berkenaan integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli secara khusus, terutama dalam disiplin ilmu tafsir, sangat sukar untuk dikenal pasti.

Othman (2020) menengahkan idea awal berkenaan keperluan dan langkah untuk melakukan anjakan paradigma baharu dalam mengintegrasikan ilmu aqli dengan ilmu wahyu dalam sistem pendidikan. Satu model yang menghubungkan antara entiti Tuhan, manusia dan alam jasmani telah dicadangkan dan hasil model tersebut ialah kesepaduan sains dengan ilmu wahyu yang dinamakan dengan Sains Tauhidik. Satu kerangka bersepadu telah diperkenalkan oleh Hassan (2017) dalam usaha pembangunan kurikulum sains tabii sekolah menengah Islam dan buku teks. Kerangka tersebut adalah bersandarkan konsep ulu al-albab berserta wacana al-Ghazali tentang hati. Aspek konvensional sains tabii dalam kerangka ini akan melalui penataan, pentakrifan, dan pengalihan-arah semula yang komprehensif daripada perspektif al-Quran.


Kajian Rashed (2016) pula meneroka kefahaman guru tentang konsep dan kepentingan pengintegrasian ilmu Sains dan Al-Quran, pelaksanaan pengintegrasian kedua ilmu tersebut, faktor-faktor yang mendorong pengintegrasian dilaksanakan dan kekangan dalam pelaksanaan di dua buah maahad tahfiz sains negeri Selangor. Kajian beliau menggunakan reka bentuk kajian kualitatif deskriptif dan satu kerangka konseptual pengajaran Pendidikan Islam berasaskan integrasi ilmu sains dan al-Quran telah dihasilkan.

Di peringkat pra universiti, Ibrahim (2016) mengaitkan tajuk-tajuk yang telah ditawarkan dalam kursus dalam bidang fizik dan kimia di Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia dengan ayat-ayat Al-Quran. Hasil kajian menunjukkan sejumlah besar ayat Al-Quran yang dapat dihubungkan sama ada secara langsung atau tidak dengan tajuk-tajuk tersebut. Di peringkat universiti pula, kajian Yuslina et al., (2018) meninjau bagaimana pensyarah mengimplementasikan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus Arabic for Specific Purposes (ASP) melalui bahan-bahan yang digunakan dalam kuliah. Kajian mendapati terdapat kekangan dalam pelaksanaan disebabkan tiada garis panduan yang standard, kepakaran dalam Naqli dan Aqli ASP yang terhad, dan bahan rujukan berkaitan implementasi integrasi ilmu Naqli dan Aqli juga sangat kurang.


Kajian pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam dijalankan oleh Ghulam et al. (2019) menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen untuk melihat keberkesanan pengintegrasian tersebut. Sebuah modul telah dibangunkan oleh penyelidik sendiri untuk tujuan kajian dan diuji keberkesanan modul tersebut. Hasil kajian menunjukkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan modul pengintegrasian Sains Kesihatan lebih efektif jika dibandingkan dengan pendekatan konvensional. Asmuje et al., (2018) turut mengkaji keberkesanan pelaksanaan pengajaran integrasi ilmu naqli dan aqli menggunakan pendekatan *team-teaching* bagi topik Biologi di Kolej PERMATA Insan. Hasil kajian menunjukkan kaedah pengajaran bersama kaedah pengajaran yang berkesan untuk integrasi ilmu naqli dan aqli.

### 3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan untuk mereka bentuk komponen utama, fasa, dan sub-fasa serta elemen yang terdapat dalam model pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli. Reka bentuk model ini menggunakan Model Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Adnan (Yusuf, 2015) seperti dalam Rajah 1 dan Model Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Pedaste et al. (2015) seperti dalam Rajah 2 sebagai model sandaran.



Rajah 2 Model INAQ Adnan



Rajah 1 Model pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste (fasa umum, subfasa, dan hubungannya)


Seterusnya, pendekatan Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) melibatkan sekumpulan tujuh orang pakar yang relevan dengan bidang kajian berdasarkan saranan (Krueger & Casey, 2009) untuk memberikan komentar, menambah atau menolak setiap komponen utama, fasa-fasa dan sub-fasa serta elemen di dalam model yang direkabentuk. Penglibatan lebih daripada seorang informan dalam perbincangan kumpulan fokus memudahkan penyelidik mencungkil maklumat atau fakta yang lebih mendalam (Idris, 2013). Justeru, kaedah pensampelan bertujuan digunakan bagi memilih informan temu bual melibatkan tujuh pakar dalam bidang berkaitan kajian iaitu bidang tafsir, pedagogi, integrasi ilmu naqli dan aqli, STEM, sains sosial, dan hafazan Al-Quran. Proses perbincangan dimulakan dengan ahli kumpulan fokus dibekalkan protokol perbincangan kumpulan fokus. Setiap informan akan diminta untuk memberi komentar terhadap model yang dicadangkan.

### 5.0 Dapatan

Model Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli di Kolej PERMATA Insan (Rajah 1) melibatkan lima komponen, lima fasa, lapan sub-fasa yang mengandungi aktiviti dan elemen

yang telah direka bentuk hasil daripada kajian literatur dan perbincangan kumpulan fokus. Kerangka model ini adalah hasil adaptasi Model INAQ Adnan dan Model Pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste yang mempunyai lima komponen iaitu; 1. Bulatan besar ialah Al-Quran, 2. Bulatan kecil berwarna kuning ialah ilmu tafsir, 3. Bulatan kecil berwarna hijau ialah bidang sastera, sains sosial, dan kemanusiaan. 4. Bulatan kecil berwarna biru ialah bidang perubahan, sains teknologi dan kejuruteraan. 5. Titik pertindihan ketiga-tiga bulatan kecil.

Berdasarkan lima komponen tersebut, al-Quran berperanan sebagai sumber penerokaan dan pengembangan ilmu di mana berlakunya pengintegrasian antara ayat hafazan dan ilmu-ilmu aqli. Ilmu tafsir pula menjadi medium pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu-ilmu aqli. Pengintegrasia tersebut dapat dilaksanakan melalui lima fasa seperti dalam Jadual 1 di bawah:



Jadual 1 Fasa dalam Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli

Fasa	
1.	<b>Orientasi:</b> Guru merangsang rasa ingin tahu tentang sesuatu ayat daripada Al-Quran dan mengemukakan cabaran pembelajaran.
2.	<b>Konseptualisasi:</b> Murid menyatakan persoalan berasaskan kandungan ayat tersebut atau petunjuk aqli dalam ayat tersebut.  Dibahagikan kepada dua (alternatif) sub-fasa: a) Penyoalan b) Penjanaaan Hipotesis

Reka Bentuk Model Pengintegrasian Ayat Hafazan Al-Quran dengan Ilmu Aqli di  
Kolej PERMATA Insan

3	<p><b>Penyiasatan:</b> Murid merancang penerokaan atau eksperimen, mengumpulkan dan menganalisis data berdasarkan reka bentuk eksperimen atau penerokaan.</p> <p>Dibahagikan kepada tiga sub-fasa: a) Penerokaan b) Eksperimen c) Tafsiran Data;</p>
4	<p><b>Kesimpulan:</b> Murid membuat kesimpulan daripada data dan input Fasa Perbincangan sebelumnya dan membandingkan kesimpulan yang dibuat berdasarkan data dengan persoalan kajian atau hipotesis</p>
5	<p><b>Perbincangan:</b> Murid membentangkan penemuan dengan berkomunikasi dengan orang lain dan mengawal proses pembelajaran dengan melibatkan diri dalam aktiviti refleksi.</p> <p>Dibahagikan kepada tiga sub-fasa: a) Komunikasi b) Refleksi 1 c) Refleksi 2</p>

Pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli menggunakan pendekatan model pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste bermula dengan Fasa Orientasi. Guru merangsang rasa ingin tahu tentang sesuatu ayat daripada Al-Quran dan mengemukakan cabaran pembelajaran. Seterusnya ialah Fasa Konseptualisasi di dalam sub-fasa Penyoalan, murid mengemukakan dua persoalan kajian: 1. Apakah maksud atau objektif bagi ayat tersebut? 2. Apakah petunjuk ilmu aqli dalam ayat tersebut dan bagaimana pengintegrasian boleh dilaksanakan? Melalui fasa ini, pelajar telah berjaya mengemukakan persoalan kajian yang akan menentukan hala tuju fasa berikutnya.

Murid kemudiannya berpindah ke Fasa Penyiasatan. Di dalam sub-fasa Penerokaan, murid mencari data untuk menjawab persoalan kajian menggunakan Metodologi Pemahaman Al-Quran dan Metodologi Pentafsiran Al-Quran.

Metodologi pemahaman Al-Quran mengandungi elemen-elemen yang perlu diberikan perhatian oleh murid seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 2 Elemen Metodologi Pemahaman Al-Quran**

Metodologi		Rujukan
1.	Mengetahui <i>asbab al-nuzul</i>	Al-Gharib (2018); Al-Tuwayjiri (2014); Al-Zakiyy (2013)
2.	Mengetahui kaedah bahasa Arab	Al-Gharib (2018); Al-Tuwayjiri (2014); Al-Zakiyy (2013)
3.	Mengetahui topik dan objektif asas bagi Al-Quran dan surah-surah	Al-Gharib (2018); Al-Tuwayjiri (2014); Al-Zakiyy (2013)
4.	Pandangan menyeluruh terhadap ayat-ayat bagi sesuatu topik (tafsir Al-Quran dengan Al-Quran/tafsir mawdu'i)	Al-Zakiyy (2013)
5.	Memahami daripada perspektif hadith	Al-Tuwayjiri (2014); Al-Zakiyy (2013)
6.	Memanfaatkan tafsir Sahabat & Tabi'in	Al-Tuwayjiri (2014); Al-Zakiyy (2013)
7.	Mengetahui persekitaran penurunan (Makkiyyah dan Madaniyyah)	(Al-Gharib, (2018)
8.	Mengetahui <i>al-nasikh</i> dan <i>al-mansukh</i>	Al-Gharib, (2018)
9.	Mengetahui <i>muhkam</i> dan <i>mutashabih</i>	Al-Gharib, (2018)

10.	Mengetahui hakikat lafaz tunggal	Al-Gharib, (2018)
11.	Memahami konteks ayat	Al-Tuwayjiri (2014)
12.	Mengetahui dilalah ayat	Al-Tuwayjiri (2014)
13.	Mengetahui wacana Al-Quran	Al-Gharib, (2018)
14.	Mengetahui adat dan kisah masyarakat Arab	Al-Gharib, (2018)
15.	Mengetahui <i>al-waqf</i> dan <i>al-ibtida'</i>	Al-Gharib, (2018)
16.	Mengetahui <i>al-qiraat</i>	Al-Dhahabi (2000); Al-Khalidi (2008)
17.	Mengetahui ilmu usuluddin	Al-Dhahabi (2000); Al-Khalidi (2008)
18.	Mengetahui ilmu usul al-fiqh	Al-Dhahabi (2000); Al-Khalidi (2008)
19.	Berhati-hati dengan Israiliyyat	Al-Zakiyy (2013)
20.	Mengetahui ilmu psikologi manusia	Al-Gharib (2018)
21.	Menggunakan ilmu dan pengetahuan moden	Al-Khalidi (1994), FGD
22.	Mengetahui ilmu sejarah dan tamadun kemanusiaan	FGD

Manakala Metodologi Pentafsiran al-Quran mempunyai tujuh elemen seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3 Elemen Metodologi Pentafsiran Al-Quran**

Metodologi		Rujukan
1.	Pentafsiran Al-Quran dengan Al-Quran sendiri	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabī, 2000; Al-Khalidi, 2008; Al-Ṭayyār, 1999)
2.	Pentafsiran Al-Quran dengan Al-Sunnah	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabī, 2000; Al-Khalidi, 2008; Al-Ṭayyār, 1999)
3.	Pentafsiran Al-Quran dengan pandangan Sahabat	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabī, 2000; Al-Khalidi, 2008; Al-Ṭayyār, 1999)
4.	Pentafsiran Al-Quran dengan pandangan Tabi'in	(Al-'Ak, 1986; Al-Khalidi, 2008; Al-Tayyar, 1999)
5.	Pentafsiran Al-Quran dengan bahasa	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabī, 2000; Al-Khalidi, 2008; Al-Ṭayyār, 1999)
6.	Pentafsiran Al-Quran dengan pandangan mufassir muktabar terdahulu	FGD
7.	Pentafsiran Al-Quran dengan ijtihad (Tafsir bi Al-Ra'y)	(Al-Dhahabī, 2000; Al-Khalidi, 2008; Al-Ṭayyār, 1999)

Elemen ke-6 iaitu pentafsiran al-Quran menggunakan ijtihad merupakan medium pengintegrasian ayat al-Quran dengan akal manusia. Bagi elemen ini, ulama menggariskan beberapa metodologi yang perlu diambil kira seperti dalam Jadual 4.

**Jadual 4 Elemen Metodologi Pentafsiran Al-Quran Menggunakan Ijtihad (Al-Ra'y)**

Metodologi		Rujukan
1.	Keselarian tafsir dengan ayat, tanpa pengurangan dalam keperluan penjelasan makna dan tanpa penambahan yang tidak sesuai dengan	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000)

Reka Bentuk Model Pengintegrasian Ayat Hafazan Al-Quran dengan Ilmu Aqli di  
Kolej PERMATA Insan

	tujuan dan kedudukan, serta berjaga-jaga terhadap tafsiran yang menyimpang dari makna dan mengubah dari apa yang dimaksudkan	
2.	Mengambil kira makna <i>haqiqi</i> dan makna <i>majazi</i> , kemungkinan apa yang dikehendaki adalah <i>majazi</i> kemudian dianggap percakapan tersebut sebagai <i>haqiqi</i> ataupun sebaliknya	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000)
3.	Mengambil kira kesesuaian antara makna dan tujuan yang ditunjukkan dalam percakapan dan mengintegrasikan <i>mufradat</i> (perbendaharaan kata)	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000)
4.	Mengambil kira perkaitan antara ayat dengan menjelaskan bentuk perkaitan dan menghubungkaitkan ayat yang sebelum dan selepas sehingga jelas bahawa Al-Quran tiada perpecahan padanya	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000)
5.	Memberi penekanan kepada <i>asbab al-nuzul</i> bagi setiap ayat yang mempunyai sebab penurunannya selepas menjelaskan perkaitan sebelum memasuki perbincangan ayat	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000).
6.	Memulakan perbincangan dengan perkara yang berkaitan dengan lafaz-lafaz tunggal dari segi <i>al-nahw</i> , <i>al-sarf</i> dan <i>al-ishtiqaq</i> . Kemudian disusuli perbincangan perkara tersebut berdasarkan susunan ayat; dimulai dengan <i>al-i'rab</i> , <i>al-ma'ani</i> , dan <i>al-bayan</i> . Seterusnya menjelaskan makna yang dikehendaki dan mengistinbatkan apa yang mampu daripada Al-Quran dalam batasan hukum-hukum syariat	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000)
7.	Hendaklah mufassir menafikan terdapat pengulangan (tikrar) dalam Al-Quran, menjauhi apa yang dianggap sebagai penambahan ( <i>ziyadah</i> ) dalam tafsiran seperti perbincangan panjang dalam menyebut kecacatan <i>al-nahw</i> , dan menjauhi daripada menyebut apa yang tidak sahih berkaitan <i>asbab al-nuzul</i> , hadith berkenaan fadilat dan sebagainya	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000).
8.	Mufassir mestilah melakukan pentarjihan dan memilih <i>wajh</i> (sudut pandang) yang rajih dengan bijak lagi waspada sekiranya ayat tersebut mempunyai lebih daripada satu <i>wajh</i> (sudut pandang)	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000).
9.	Mufassir hendaklah mengambil kira tafsiran berdasarkan apa yang dikehendaki daripada makna ucapan dan diambil daripada kekuatan syariat	(Al-'Ak, 1986; Al-Dhahabi, 2000).
10.	Tidak menjadikan pandangan atau kecenderungan awal peribadi sebagai asas dalam penerokaan makna serta pengajaran ayat	FGD
11.	Bersikap terbuka terhadap perbezaan pandangan selagi berlaku dalam ruang lingkup panduan yang dibenarkan oleh para ulama	FGD

Sub-fasa Penerokaan akan berpecah kepada dua laluan bergantung kepada data pengintegrasian ayat dengan ilmu aqli yang ditemui sama ada mencukupi atau sebaliknya. Sekiranya murid mendapati data pengintegrasian ayat tersebut dengan ilmu aqli mencukupi, pelajar akan beralih kepada sub-fasa Pentafsiran Data. Sebaliknya jika data pengintegrasian tidak mencukupi atau tidak wujud, murid akan kembali ke Fasa Konseptualisasi (sub-fasa Penjanaaan Hipotesis) untuk menjana hipotesis berkenaan pengintegrasian ilmu aqli dengan ayat tersebut. Murid kemudiannya berpindah ke Fasa Penyiasatan (sub-fasa Pengujikajian) di mana murid akan merekabentuk dan menjalankan eksperimen untuk menguji hipotesis yang dibuat sebelumnya.

Kedua-dua laluan (Penerokaan atau Penjanaaan Hipotesis-Pengujikajian) akan bertemu semula pada sub-fasa Pentafsiran Data. Murid mentafsirkan data yang dikumpul daripada sub-fasa Penerokaan atau Pengujikajian dan mensintesis bentuk integrasi ayat dengan ilmu aqli.



Pada peringkat ini, murid akan menentukan bentuk-bentuk pengintegrasian al-Quran dengan ilmu aqli berdasarkan disiplin ilmu tafsir seperti dalam Jadual 5.

**Jadual 5 Elemen Bentuk Integrasi Al-Quran dengan Ilmu Aqli**

<b>Bentuk</b>	
1.	<p><b>Perbahasan konsep</b></p> <p>Al-Quran telah menyediakan kerangka konsep dalam menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini (Hanapi, 2011). Konsep ini dapat diterokai menggunakan pendekatan tafsir tematik yang menatijahkan idea dan jawapan yang konkrit lagi tuntas berkenaan sesuatu tema (Shihab, 1996) sama ada melibatkan keseluruhan al-Quran atau surah tertentu (Yusoff, 2003). Pendekatan ini bermula dengan tafsir bersumberkan <i>al-ma'thur</i> iaitu Al-Quran dengan Al-Quran dan diikuti dengan pentafsiran bersumberkan akal bagi mufasssir yang ingin menggunakan sumber akal (Bakar et al., 2019)(dalam konteks kajian ini ialah ilmu aqli).</p>
2.	<p><b>Perbahasan pendekatan Al-Quran</b></p> <p>Kajian berkenaan pendekatan al-Quran dalam sesuatu perkara termasuk dalam kategori pentafsiran secara tematik (Hanapi, 2011) di mana pentafsiran bersumberkan <i>al-ma'thur</i> dilakukan terlebih dahulu iaitu Al-Quran dengan Al-Quran dan diikuti dengan pentafsiran bersumberkan akal bagi mufassir yang memilih sumber tersebut (dalam konteks kajian ini ialah ilmu aqli) (Bakar et al., 2019).</p>
3.	<p><b>Penjelasan hikmah pensyariatian</b></p> <p>Hikmah pensyariatian merupakan bentuk integrasi yang kebiasaannya dapat ditemui dalam tafsir berbentuk tahlili (analisis). Malah perkara tersebut menjadi tuntutan masyarakat kerana kesedaran apa yang didatangkan oleh Islam melalui Al-Quran selari dengan akal, ilmu pengetahuan dan realiti (Rokim, 2017). Justeru, hikmah pensyariatian dapat dijelaskan secara terperinci melalui ilmu aqli.</p>
4.	<p><b>Penjelasan rasional terhadap aspek bahasa</b></p> <p>Rasional ialah alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan, atau pegangan (Baharom, 2005). Integrasi dalam bentuk penjelasan berkenaan rasional banyak digunakan dalam mengkaji rasional penggunaan sesuatu perkataan (termasuk bentuk perkataan tersebut dari segi lelaki dan perempuan, sedikit atau banyak), frasa (termasuk dari segi taqdim dan ta'khir kalimat), harf jar, perumpamaan yang terdapat dalam Al-Quran, dan sebagainya. Rasional penggunaan perkara tersebut sebahagiannya dapat dijelaskan oleh ilmu aqli.</p>
5.	<p><b>Penerangan sifat</b></p> <p>Integrasi dapat dilakukan dalam bentuk penerangan berkenaan sifat kepada sesuatu perkara yang terdapat dalam al-Quran. Malah Al-Quran sendiri turut menyebutkan sifat atau keadaan kepada sesuatu perkara terutama berkaitan penciptaan. Antaranya sifat yang dinyatakan ialah <i>قَطَعُ مَتَجَاوَرَاتٍ</i> (potongan-potongan tanah yang berdekatan), <i>تُطْفِئُ</i> air mani yang bercampur, dan pelbagai lagi. Penjelasan berkenaan sifat-sifat ini berorientasikan ilmu aqli seperti sains tabi'i akan memberikan kefahaman yang lebih mantap. Ini disebabkan Al-Quran kebiasaannya cuma menyebut hakikat tentang sesuatu kejadian atau penciptaan tanpa huraian yang terperinci (Al-Halabi, 1993).</p>
6.	<p><b>Penjelasan fungsi</b></p> <p>Penjelasan berkenaan fungsi sesuatu perkara merupakan bentuk integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli yang dapat dilakukan. Al-Quran turut menyatakan fungsi sesuatu perkara antaranya gunung sebagai pasak bumi, langit sebagai siling yang dilindungi, hujan sebagai penyubur tumbuhan, bintang sebagai penunjuk jalan, dan banyak lagi (Khalid, 2021). Penjelasan lanjut mengenai fungsi tersebut boleh dijelaskan dengan menggunakan ilmu aqli.</p>
7.	<p><b>Penjelasan proses</b></p> <p>Proses ialah siri perubahan yang berlaku secara semula jadi. Dalam al-Quran itu sendiri</p>

	terdapat ayat-ayat yang menceritakan proses sesuatu perkara. Antaranya ialah proses penciptaan manusia, penciptaan alam, pengeluaran susu haiwan (Al-Najjār, 2007), proses manusia bercakap (Mamluatul, 2010), dan banyak lagi. Al-Quran umumnya tidak menyatakan proses secara terperinci, dan di sinilah ilmu aqli berfungsi untuk menjelaskannya.
8.	<b>Penjelasan sebab dan akibat</b> Al-Quran menyebutkan beberapa sebab dan akibat sesuatu, contohnya pancaran kilat yang hampir membutakan mata, kilat yang boleh membunuh manusia, dan kemusnahan di darat dan di laut disebabkan tangan-tangan manusia. Pemerhatian terhadap perkara itu memberikan manusia pengetahuan tentang bagaimana peristiwa itu berlaku dan meramalkan kesannya. Oleh itu, ilmu aqli sangat penting dalam menerangkan sebab dan akibat dengan lebih tepat (Fakhri, 2010).
9.	<b>Penterjemahan teknologi daripada Al-Quran</b> Al-Quran bukan sebuah buku sains dan teknologi, tetapi ia mengandungi beberapa maklumat dan prinsip yang sangat penting dalam sains dan teknologi (Rusdiana, 2014). Bentuk integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli dalam konteks teknologi adalah penterjemahan teknologi daripada al-Quran. Terjemahan bermaksud menukar atau mengubah kepada bentuk lain, penampilan, dan lain-lain; transformasi ( <i>Translation / Definition of Translation at Dictionary.Com, n.d.</i> ). Sebagai contoh, Al-Qur'an menyebut tentang burung terbang dengan mengembang dan menutup sayap yang membawa kepada teknologi pesawat (Khalid, 2021).
10	<b>Inspirasi Inovasi oleh Al-Quran</b> Kajian mendalam terhadap ayat-ayat Al-Quran oleh individu-individu yang berpengetahuan dalam ilmu aqli dapat memahami fenomena alam semesta dengan tepat (Fakhri, 2010). Pemahaman ini kemudiannya memberi inspirasi kepada manusia untuk mencipta inovasi dalam bentuk teknologi yang boleh memudahkan urusan hidup dan memastikan ia selamat. Penghasilan teknologi yang diinspirasi oleh al-Quran antaranya pembenihan awan, penyulingan solar, tenaga gelombang laut, dan banyak lagi (Khalid, 2021). Selain itu, inovasi juga melibatkan pembangunan model, sistem, kaedah, dan lain-lain hasil inspirasi daripada ayat al-Quran. Jenis ini kebiasaannya diaplikasikan dalam bidang sains sosial (FGD).

Seterusnya, murid beralih ke Fasa Perbincangan di mana dalam sub-fasa Komunikasi murid menyampaikan hasil yang diperoleh kepada orang lain dan mengumpulkan maklum balas. Dalam masa yang sama, murid akan terlibat dalam sub-fasa Refleksi 1 iaitu murid membincangkan dan menilai pengintegrasian ayat dengan ilmu aqli berdasarkan syarat-syarat pentafsiran merangkumi syarat *tafsir bi al-ra'y* dan *tafsir 'ilmi*.

Jadual 6 di bawah merupakan elemen bagi syarat pentafsiran Al-Quran menggunakan ijtihad (Al-Ra'y).

**Jadual 6 Elemen Syarat Pentafsiran Al-Quran Menggunakan Ijtihad (Al-Ra'y)**

	Syarat	Rujukan
1.	Tidak mentafsirkan maksud firman Allah dalam keadaan jahil tentang hukum bahasa Arab dan usul fiqh, dan tanpa landasan ilmu-ilmu yang diperlukan dalam pentafsiran	(Al-Dhahabi, 2000; Al-Khalidi, 2008)
2.	Tidak menyelidiki sesuatu yang berada dalam pengetahuan Allah dan menjadi rahsiaNya seperti perkara <i>mutashabihat</i> dan perkara-perkara ghaib seperti tanda dan suasana hari kiamat	(Al-Khalidi, 2008)
3.	Tidak dipengaruhi hawa nafsu dalam pentafsiran dan penggunaan akal, kerana nafsu akan menghalang individu daripada memahami al-Quran dengan baik dan membawanya kepada melakukan	(Al-Dhahabi, 2000; Al-Khalidi, 2008)

	kesalahan	
4.	Tidak melakukan pentafsiran untuk menyokong mazhab dan iedologi yang rosak dengan menjadikan mazhab sebagai asas dan tafsir sebagai ikutan	(Al-Dhahabi, 2000; Al-Khalidi, 2008)
5.	Tidak bercanggah pentafsirannya dengan ayat-ayat Al-Quran yang lain dan tidak bercanggah pandangannya dengan ketetapan ayat-ayat lain	(Al-Khalidi, 2008)
6.	Tidak bercanggah pentafsirannya dengan hadith-hadith sahih dan tidak menetapkan pandangan-pandangan yang bercanggah dengan perkara yang ditetapkan oleh hadith-hadith tersebut	(Al-Khalidi, 2008)
7.	Tidak bercanggah pentafsirannya dengan makna bahasa Arab dan tidak mentafsirkan lafaz-lafaz dan susunan Al-Quran dengan pentafsiran yang bercanggah dengan makna bahasa, penggunaannya, dan tasrifnya	(Al-Khalidi, 2008).
8.	Tidak bercanggah dengan usul atau pandangan yg disepakati oleh para ulama dalam disipilin pengajian Islam seperti akidah, fiqah, akhlak, sirah dan lain-lain	FGD
9.	Tidak mendakwa pentafsiran tersebut merupakan apa yang dimaksudkan oleh Allah tanpa bukti	(Al-Dhahabi, 2000; Al-Khalidi, 2008).

Sebahagian ulama membolehkan *tafsir 'ilmi* (pentafsiran Al-Qur'an berorientasikan sains) dengan syarat tertentu (Hilmi et al., 2015) agar pentafsiran tersebut tidak termasuk dalam kategori *al-tafsir bi al-ra'y al-madhmum*. Jadual 7 di bawah merupakan elemen bagi syarat pentafsiran Al-Quran berorientasikan sains.

**Jadual 7 Elemen Syarat Pentafsiran Al-Quran Berorientasikan Sains**

	Syarat	Rujukan
1.	Menepati bahasa Arab dengan sempurna di mana makna yang ditafsirkan sepadan dengan makna dari sudut bahasa.	(‘Abbās, 2005; Al-‘Ak, 1986)
2.	Tidak bercanggah dengan ma'thur yang sahih daripada Rasulullah SAW atau sesuatu yang hukumnya adalah <i>marfu'</i> .	(‘Abbās, 2005)
3.	Tidak bercanggah dengan kandungan syara'	(Al-‘Ak, 1986).
4.	Menepati kandungan dan konteks ayat Al-Quran agar pentafsiran tidak lari daripada kandungan dan konteks tersebut	(‘Abbās, 2005; Al-‘Ak, 1986).
5.	Mengambil kira kesesuaian, korelasi dan perhubungan antara ayat-ayat kawniyyat, kemudian menyatukan antara ayat tersebut membentuk satu unit tematik	(Al-‘Ak, 1986).
6.	Mentafsirkan Al-Quran berdasarkan fakta saintifik yang terbukti dan mengelak daripada melibatkan teori palsu, kuno, dan kontroversi	(‘Abbās, 2005; Al-‘Ak, 1986).
7.	Berwaspada daripada mendedahkan <i>tafsir 'ilmi</i> kepada perkhabaran dan keadaan mukjizat-mukjizat atau hari akhirat	(‘Abbās, 2005).
8.	Mengelak daripada melampau dalam membawa nas kepada makna yang ingin diistinbatkan. Makna yang dipegang ialah sesuatu yang dibantu oleh bahasa dan apa yang ditunjukkan oleh frasa tanpa paksaan.	(Al-Qardāwī, 1997)
9.	Mengelak daripada menuduh umat sebagai jahil kesemuanya. Tidak menganggap bahawa <i>tafsir 'ilmi</i> merupakan satu tohmahan bahawa seluruh umat – termasuk juga tiga kurun terbaik – tidak memahami Al-Quran.	(Al-Qardāwī, 1997)
10.	Mengetahui hakikat yang pasti bahawa Al-Quran adalah sebuah kitab petunjuk dan mempunyai i'jaz namun Al-Quran tidak pernah diturunkan untuk menjadi satu kitab dalam satu-satu ilmu seperti	(‘Umar, 1996)

	perubatan, falak atau sebagainya dan tidak perlu tergesa-gesa dalam mendapatkan kesepadanan antara sains dan Al-Quran	
11.	Mengetahui kontradiksi antara <i>tafsir 'ilmi</i> moden dan tafsir klasik	(‘Umar, 1996)
12.	Tidak menganggap dapatan yang diperoleh sebagai satu-satunya tafsiran yang tepat dan menolak pandangan lain terutama tafsir mufasirin muktabar terdahulu	FGD
13.	Tidak menundukkan ayat kepada sesuatu teori atau dapatan kajian saintifik	FGD
14.	Tidak menjadikan teori atau dapatan kajian saintifik sebagai penentu kepada maksud atau pengajaran ayat	FGD

Seterusnya ialah Fasa Kesimpulan di mana murid membuat kesimpulan daripada data dan input Fasa Perbincangan sebelumnya dan membandingkan kesimpulan yang dibuat berdasarkan data dengan persoalan kajian atau hipotesis. Di akhir pembelajaran, murid akan menjalani sub-fasa Refleksi 2 dengan melakukan penilaian dan perbincangan menyeluruh terhadap hasil pengintegrasian ayat dengan ilmu aqli yang telah dicapai.

## 6.0 Perbincangan

Pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri berdasarkan teori konstruktivisme adalah tertakluk kepada rangka wahyu sebagai sumber penerokaan pengetahuan. Al-Quran tidak menafikan peranan minda malah menuntut manusia menggunakan kecerdasan mereka untuk melihat, bertafakur dan mengkaji ciptaan Allah SWT dan mengambil kesempatan daripada apa yang ada di langit dan di bumi, yang sememangnya dicipta untuk kegunaan manusia. Pelbagai fakta dan rahsia ciptaan dapat dibongkar dan difahami berdasarkan al-Quran; sudah tentu, tidak ada dikotomi antara kedua-dua ilmu.

Pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri dalam model dapat meningkatkan tahap keaktifan pelajar dalam proses pembelajaran di mana pelajar menjadi lebih responsif, bersemangat, aktif bertanya, dan lebih mudah menemui pengetahuan baru seperti yang dibuktikan oleh Husni (2020) dalam pengajaran subjek agama Islam. Model pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste merupakan pilihan terbaik untuk diaplikasikan dalam model kerana pelajar akan meneroka dan mengkaji sendiri pengintegrasian tersebut berlandaskan metodologi dan syarat-syarat yang telah ditentukan. Malah kedua-dua aspek tersebut akan memastikan pelajar tidak tersasar dalam melakukan pengintegrasian kerana kedudukan Al-Quran sebagai wahyu tidak boleh ditafsirkan tanpa mengikut disiplin ilmu yang sepatutnya (W Dagang et al., 2015). Pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli berada pada aras yang lebih tinggi dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), berbanding sekadar memahami ayat tersebut kerana keyakinan pelajar terhadap mukjizat dan kebenaran Al-Quran makin bertambah (Abdullah et al., 2020).

## 7.0 Kesimpulan

Hasil kajian ini adalah sebuah reka bentuk model dengan lima komponen, lima fasa, lapan subfasa, dan tujuh puluh empat elemen. Model ini dapat memberikan garis panduan yang jelas kepada guru dan murid dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli. Pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri membantu pelajar untuk membina sendiri pengetahuan mereka sementara guru berfungsi sebagai fasilitator seperti yang disarankan oleh (Rowley, 2008). Kajian seterusnya boleh memberi fokus kepada pengintegrasian hadith dengan ilmu aqli kerana kedudukannya sebagai sumber rujukan kedua dan mempunyai metodologi yang khusus dalam berinteraksi dengannya.

## Rujukan

- ‘Abbās, F. Hasan. (2005). *Al-Tafsīr Asāsīyyātuh wa Ittijāhātuh*. Maktabah Dandis.
- ‘Umar, A. ‘Aṭā. (1996). *Al-Ittijāh al-‘Ilmī li al-Tafsīr fī al-Qarn al-‘Ishrīn*. Al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-‘Alamiyyah.
- Abdullah, W. A. A. W., Zhaffar, N. M., Nor, N., Musa, N. A., & Othman, M. S. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT ) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz ( KBT ). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2), 11–21. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no2.74>
- Ahmad, M., Kasmani, M. F., Sipon, S., & Saleh, N. S. S. N. (2017). Islamic Science Approach in Higher Education : The Agenda on The Integration of Naqli and Aqli Knowledge in USIM. *Proceeding IAIN Batusangkar*, 806–811.
- Al-‘Ak, K. ‘Abd al-R. (1986). *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā‘iduhu* (2nd ed.). Dār al-Nafā‘is.
- Al-Dhahabī, M. Ḥusayn. (2000). *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (7th ed.). Maktabah Wahbah.
- Al-Gharīb, R. K. Z. (2018). *Fahm al-Qur‘ān bayna al-Qawā‘id al-Ḍābiḥah wa al-Mazāliq al-Muhlikah*. Dār al-Bashīr li al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm.
- Al-Ḥalabī, N. al-D. M. ‘Itr. (1993). *‘Ulūm al-Qur‘ān al-Karīm*. Maṭba‘ah al-Ṣabāḥ.
- Al-Khalidi, S. ‘Abd al-F. (2008). *Ta‘rif Al-Darisin bi Manahij Al-Mufasssirin* (3rd ed.). Dar Al-Qalam.
- Al-Khālidi, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ. (1994). *Maḥāṭib li al-Ta‘āmul ma‘a al-Qur‘ān* (2nd ed.). Dār al-Qalam.
- Al-Najjār, Z. (2007). *Tafsīr al-Āyāt al-Kawniyyat fī al-Qur‘ān al-Karīm*. Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyat.
- Al-Qardāwī, Y. (1997). Naẓarāt fī al-Tafsīr al-‘ilmī li al-Qur‘ān. *Majallah Markaz Buhūth Al-Sunnah Wa Al-Sīrah*, 9, 11–39.
- Al-Ṭayyār, M. S. (1999). *Fuṣūl fī Uṣūl al-Tafsīr* (3rd ed.). Dār Ibn al-Jawzī.
- Al-Tuwayjirī, ‘Abd al-Laṭīf ‘Abd Allāh. (2014). *Tadabbūr al-Qur‘ān al-Karīm*. Maktabah Dār Al-Minhāj.
- Al-Zākiyy, M. ‘Abd al-R. (2013). Bayān al-Qur‘ān al-Karīm - Ru‘yat Manhajīyyat fī al-Fahm wa al-Tadabbur. *Majallah Al-‘Ulūm Wa Al-Buhūth Al-Islāmiyyah*, 14(2), 1–20.
- Ali, M. Z. M., Jaya, M. A. T., Jan, N. M., Said, N. H. I. M., Bakri, A. A. Z., & Subri, I. M. (2021). *Cadangan Kaedah Hafazan Tematik dengan Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli dan ‘Aqli Kepada Murid Pintar Berbakat di Kolej GENIUS Insan USIM* (A. Ismail, S. Sulaiman, M. N. Musling, S. R. Mat, A. A. Rahman, H. ‘Azeemi A. Thaidi, & N. R. S. M. Dali (Eds.); Issue September, pp. 436–450). USIM Press.
- Asmuje, N. F., Samat, S. I. A., Razak, A. Z. A., & Zainal, R. (2018). Teaching Methods of Integrated Naqli and Aqli Knowledge for Gifted and Talented Muslim Students. *Journal of Academia UiTM Negeri Sembilan*, 6(2), 46–52.
- Baharom, N. (2005). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, S. A., Hussin, H., & Abdullah, W. N. W. (2019). Analisis Perkembangan Penulisan Tafsir Maudu‘i di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 142-153., 4(2), 142–153.

- Fakhri, J. (2010). Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, 15(01), 121–142.
- Ghulam, M. S. M., Kasim, T. S. A. T., & Kadir, F. A. A. (2019). Pengintegrasian Sains Kesehatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi-eksperimen. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 4(1), 1–13.
- Hanapi, M. S. (2011). Pola Kajian Tafsir Al-Mawdu'iy di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 4, 137–158.
- Hassan, N. J. (2017). Constructing Islamic Secondary School Curricula and Textbooks for Natural Science: An Integration Framework Based on the Ūlū Al-Albāb Model. *Al-Burhan*, 1(1), 20–35.
- Hilmi, A. B. A., Saleh, M. H., & Mohamad, A. S. (2022). Kertas Konsep Pengintegrasian Ayat Hafazan al-Quran dengan Ilmu Aqli: Ke Arah Pembangunan Model di Kolej GENIUS Insan A Conceptual Paper on The Integrating Quranic Memorised Verses with Aqli Knowledge: Towards the Development of Model in Kolej GENIUS Insan. *Sains Insani*, 7(1), 44–50.
- Hilmi, A. B. A., Yusoff, Z. H. M., & Amir, S. (2015). Terjemahan Makna Kalimah Al-Muzn dan Yasbahun: Satu Penilaian Semula Berdasarkan Kaedah Tafsir 'Ilmi. *Ulum Islamiyyah*, 16(Dec), 141–167. <https://doi.org/10.33102/uij.vol16no0.125>
- Husni. (2020). The Effect of Inquiry-Based Learning on Religious Subjects Learning Activities: An Experimental Study in High Schools. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 8(1), 43–53.
- Hussin, R., A. Rahman, S. H., Yusoff, S. H., Sabran, R., & Hassan, F. (2019). Barakah Ilmu Melalui Penggunaan Teknologi Komunikasi, Ipad dan Keberkesanannya. *Abqari Journal*, 20(2), 131–144. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.220>
- Ibrahim, M. A. (2016). The Integration of Naqli Knowledge of Science Courses in Institutions of Higher Learning Foundation Centres: Study on Tamhidi Centre, Universiti Sains Islam Malaysia. *Proceedings of ADVED 2016 2nd International Conference on Advances in Education and Social Sciences*, 493–499. <https://doi.org/10.18768/ijaedu.280570>
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (2nd ed.). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Islaieh, A. I. S., Jailani, M. R. M., Zainuddin, N., Kamaruddin, W. A. Z. W., & Zakaria, Z. (2020). ILEinitiative: Interactive Online Platform in Teaching and Learning Arabic for Gifted Students. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(6 Special Issue), 1317–1328.
- Khalid, M. N. M. (2021). *Meneroka Rahsia STEM dalam Al-Quran Jilid 1* (4th ed.). Mommy Happy group sdn. Bhd.
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2009). *Focus groups a practical guide for applied research* (4th ed.). SAGE Publications.
- Mamluatul, H. (2010). *Proses Manusia Berbahasa: Perspektif al-Quran dan Psikolinguistik*. UIN-Maliki Press.
- Md Nawi, N. H. (2015). Kesenambungan dan Sinergisme Konsep Kesepaduan dan Islamisasi Ilmu. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 60–68.
- Mohd Jailani, M. R. (2019). The Conceptual Framework of Integration of Naqli and Aqli

- (INAQ) Knowledge in Universiti Sains Islam Malaysia. *Al- 'Abqari*, 20(1 (Special Issue)), 21–32.
- Mohd Zarif, M. M., Hashim, M., Mohd Saudi, H. F., Abdul Wahab, H., Ismail, H., Ghazali, A., Azman, N., Roslan, N., Mohd Manzor, N. F., Mohamed, Y., & Abd Samad, M. S. H. (2018). *Polisi Pengajaran dan Pembelajaran berteraskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Motto, Misi & Visi – Kolej Genius Insan*. (n.d.). Retrieved January 12, 2022, from <https://geniusinsan.usim.edu.my/misi-visi/>
- Othman, M. Y. (2020). Kesepaduan Ilmu Pengetahuan Sains Dalam Sistem Ilmu Wahyu. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 1–13.
- Pedaste, M., Mäeots, M., Siiman, L. A., de Jong, T., van Riesen, S. A. N., Kamp, E. T., Manoli, C. C., Zacharia, Z. C., & Tsourlidaki, E. (2015). Phases of inquiry-based learning: Definitions and the inquiry cycle. *Educational Research Review*, 14, 47–61. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2015.02.003>
- Rashed, Z. N. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rokim, S. (2017). Mengenal Metode Tafsir Tahlili. *Al - Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 2(03), 41–56. <https://doi.org/10.30868/at.v2i03.194>
- Rowley, J. L. (2008). Teaching Strategies to Facilitate Learning for Gifted and Talented Students. *Australasian Journal of Gifted Education*, 17(2), 36–42.
- Rusdiana, A. (2014). Integrasi Pendidikan Agama Islam dengan Sains dan Teknologi. *Jurnal Istek*, VIII(2), 123–143.
- Shihab, M. Q. (1996). *Membumikan al-Quran* (13th ed., Issue November). Penerbit Mizan.
- Tg Abdul Rahman, T. A. F., Ahmad Sukri, H. F., Hipni, H. I., Mohd Tarmizi, M. H., Nisham, M. R. R., Mohamed, M. A. H., Yusoff, M. A., Adnin, M. H., & Mohd Fauzi, M. N. (2021). *Modified Monopoly Deal Game for Learning the Declension of Arabic Words*. 14(1), 1–18. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.1.2021>
- Translation | Definition of Translation at Dictionary.com*. (n.d.). Retrieved June 24, 2021, from <https://www.dictionary.com/browse/translation>
- W Dagang, W. I., Masroom, M. N., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2015). Sains Humanika Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara : *Sains Humanika*, 5(3), 77–85. <https://doi.org/https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.669>
- Yuslina, M., Abdullah, H., Haque, M., & Ismail, S. (2018). Integrasi Naqli dan Aqli dalam Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 40(2), 105–113.
- Yusoff, Z. H. M. (2003). Tafsir al-Mawdu'i: Kajian Pensejarahan. *Al-Bayan*, 1, 27–41.
- Yusuf, A. M. (2015). Gagasan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (USIM) Sorotan Awal dari Perspektif Fakultu Pengajian Quran dan Sunnah. In M. K. N. Z. Nazri (Ed.), *Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Perspektif Fakultu Pengajian Quran dan Sunnah USIM* (pp. 15–26). Universiti Sains Islam Malaysia.